



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

7 JULAI 2023 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

7 JULAI 2023 (JUMAAT)



SALAHUDDIN memberikan bantuan kepada penerima sumbangan OKU ketika merasmikan Inisiatif Payung Rahmah.



SALAHUDDIN bersama Adelene melawat pusat beli-belah di ibu kota ketika merasmikan Inisiatif Payung Rahmah.

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Inisiatif Payung Rahmah dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi mengurangkan beban rakyat terus mendapat sambutan dengan penyertaan Jaya Grocer bersama Grab Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kehadiran jenama besar itu sekali gus memusnahkan 'mimpi ngeri' beliau terhadap inisiatif dilaksanakan berkenaan akan berakhir.

"Saya tidak menyangka ada lagi syarikat mahu dan

Santuni setiap segmen rakyat

Inisiatif Payung Rahmah disertai Jaya Grocer, Grab Malaysia bantu kurang beban orang ramai

terus memberi sokongan kepada usaha KPDN memandangkan inisiatif Payung Rahmah ini tidak memberi geran dan peruntukan khusus kepada mana-mana pihak yang menyertai.

"Perkara ini sekali gus mendorong KPDN untuk be-

kerja dengan lebih kuat dan terus menyantuni masyarakat dalam setiap segmen di bawah Inisiatif Payung Rahmah," katanya.

Beliau

berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan pelancaran Inisiatif Payung Rahmah bersama Jaya Grocer dan Grab Malaysia di sebuah pu-

sat beli-belah, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, menerusi kerjasama itu, Jaya Grocer dan Grab Malaysia akan menawarkan promosi eksklusif melalui tiga inisiatif di platform Grab.

"Ia meliputi Pakej Rahmah iaitu tawaran pakej *mix & match* dari serendah RM18 serta GrabFood Jualan Rahmah iaitu diskaun sehingga 40 peratus untuk barangan keperluan harian dan eksklusif di Jaya Grocer melalui GrabMart.

"Selain itu, terdapat juga pemberian Bakul Rahmah secara berkala bagi menyokong pemandu orang kurang upaya (OKU) Grab dan rakan kongsi penghantaran dengan kotak keperluan

asas," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Jaya Grocer dan Pengarah Urusan Grab Malaysia, Adelene Foo berkata, penyertaan pihaknya dalam Inisiatif Payung Rahmah bagi membantu mengurangkan beban rakyat berikutan peningkatan kos sara hidup.

"Isu peningkatan kos sara hidup memberi kesan kepada semua rakyat Malaysia. Usaha menanganinya memerlukan penelitian pelbagai aspek.

"Ia boleh dilakukan dengan mengurangkan harga barangan, memudahkan akses kepada ekonomi digital bagi mewujudkan penjimatan jangka masa panjang," katanya.

Jaya Grocer dan Grab Malaysia akan menawarkan promosi eksklusif



SALAHUDDIN (dua dari kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Jaya Grocer dan Pengarah Urusan Grab Malaysia Adelene Foo (tiga dari kiri) melawat supermarket ketika merasmikan Inisiatif Payung Rahmah bersama Jaya Grocer dan Grab Malaysia di sebuah pusat beli-belah. - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

KPDN belum terima aduan isu tukar label beras

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) belum menerima sebarang aduan berhubung penukaran label kempit beras yang dilaporkan berlaku, baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, isu beras terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

"Dalam isu ini, kami masih menunggu aduan dan setakat ini, belum ada aduan diterima. Jika ada aduan diterima, kami akan lihat perkara ini.

"Setakat ini, kami tidak dapat lagi bukti perkara ini (tukar label beras tempatan kepada import) berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan pelancaran Inisiatif Payung Rahmah bersama Jaya Grocer dan Grab

Malaysia di sebuah pusat beli-belah, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, KPDN dan KPKM akan meneruskan kolaborasi bagi memantau isu berkenaan.

"Dalam mesyuarat Kabinet semalam, kedua-dua kementerian ini ada berbincang mengenai perkara ini.

"Pastinya kami akan memantau dan buat sesuatu termasuk mengambil tindakan jika aduan itu didapati benar.

"Pada masa sama, KPKM juga menjalankan Op Beras Putih dalam usaha memantau isu ini," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan segelintir pemborong beras didakwa cuba memanipulasi harga kawalan ditetapkan kerajaan dengan menukar kempit beras tempatan kepada kempit beras import bagi mengaut keuntungan besar.



Menu Rahmah at Sarawak eateries

KUCHING: A total of 195 restaurants and eateries in Sarawak are now offering Menu Rahmah.

Sarawak Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Matthew Dominic Barin said this was an encouraging response after the initiative was launched in the state last February.

"The Menu Rahmah sets being offered are of very high quality as they comprise fish, vegetables and rice, which are rich in nutrients. We encourage other restaurant operators in the state to participate in the initiative," he said after the Jelajah Menu Rahmah event with Restoran SugarBun here yesterday. - Bernama

Semua cawangan Eonsave masih tawarkan Jualan Rahmah

Kuala Lumpur: Rakan strategik inisiatif Jualan Rahmah, Eonsave Cash & Carry Sdn Bhd (Eonsave) terus menjadi pilihan pengguna kerana sentiasa menawarkan harga rendah yang selari dengan moto syarikat, 'bandingkan harga kami'.

Sebagai pasar raya pertama yang mengambil bahagian dalam Jualan Rahmah dan menyokong inisiatif kerajaan yang dibentangkan menerusi Belanjawan 2023, Eonsave menerima sambutan hebat melalui semua rangkaian pasar rayanya yang menawarkan barangan Rahmah.

Pengurus Besar Eonsave Mas Imran Adam berkata, pihaknya masih menawarkan Jualan Rahmah di 93 cawangan Eonsave seluruh negara.

Katanya barang yang di-

jual menerusi inisiatif Jualan Rahmah mendapat sambutan hebat pengguna sehingga mencatat kenaikan jualan sebanyak 30 peratus sejak dilancarkan.

"Sebanyak 1,000 jenis barang diturunkan harga dengan penjimatan ditawarkan sehingga 20 peratus dan selepas melihat kejayaan jualan Rahmah ini di Eonsave, baru kita lihat pasaraya lain turut menyertainya.

"Kami menurunkan harga barang bagi setiap segmen produk antaranya barangan makanan, kelengkapan diri, kelengkapan bayi (susu, lampin pakai buang), barangan rumah dan banyak lagi.

"Sehingga kini Jualan Rahmah masih dijalankan di semua cawangan Eonsave dan sambutan diterima sangat menggalakkan, malah setiap hujung minggu cawa-



MAS Imran menunjukkan antara barangan yang tersenarai dalam 1,000 barangan menerusi inisiatif Jualan Rahmah di Eonsave Taman Teratai, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

ngan kami menyertai program Jualan Rahmah Parlimen dengan menawarkan harga yang begitu rendah.

"Selain itu, di Eonsave jualan daging Rahmah turut dijalankan pada Hari Raya

Puasa i dan juga mendapat sambutan di mana harga yang ditawarkan hanya RM14.90 (harga kawalan RM20) dan sebanyak 500 tan dapat dijual dalam tempoh berkenaan," katanya.

Menurutnya, Eonsave juga melaksanakan tanggungjawab untuk membantu peniaga makanan dan peniaga kecil bagi mengekalkan Menu Rahmah.

"Kami mengambil inisiatif untuk membolehkan peniaga membeli barang keperluan pada harga borong bermaksud mereka dapat membelinya dengan harga yang murah bagi membolehkan peniaga kekal menawarkan Menu Rahmah di kedai mereka.

"Setiap dua minggu pihak kami memang ada membuat promosi untuk barang keperluan terutama apabila masuk musim perayaan.

"Promosi besar-besaran akan dibuat untuk memastikan barang dapat dijual pada harga rendah dan salah satu inisiatif kami ialah memperkenalkan *house brand* dan ia sangat men-

dapat sambutan baik kerana harga murah dan mempunyai kualiti setanding barangan popular," katanya.

Konsep Payung Rahmah diperkenalkan sebagai induk kepada usaha membantu golongan susah dan rentan dan salah satunya ialah inisiatif Jualan Rahmah.

Jualan Rahmah menawarkan barang asas dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran dan melalui Belanjawan 2023 inisiatif ini diperluaskan di 222 kawasan Parlimen.

Kerajaan juga akan meningkatkan peruntukan sebanyak RM25 juta kepada RM225 juta bagi memperluas program pengedaran barang keperluan asas ke 25 kawasan baharu antaranya di Paloh dan Passin, Sarawak; Pasir Raja, Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)

7 JULAI 2023 (JUMAAT)

Cadangan MyCC denda Grab RM86.8j diketepi

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam menyetepikan cadangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk mengenakan denda RM86.8 juta terhadap Grab Holdings Inc dan dua anak syarikatnya kerana didakwa melanggar Akta Persaingan 2010.

Hakim Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan semakan kehakiman difailkan syarikat perkhidmatan e-hailing berkenaan bagi mencabar cadangan denda itu.

Menurut Wan Ahmad Farid, cadangan untuk mengenakan denda oleh MyCC dicemari dengan ketidakpatuhan prosedur dan melanggar prinsip keadilan semula jadi.

Beliau mengeluarkan perintah certiorari untuk menyetepikan cadangan MyCC untuk mengenakan denda terhadap Grab.

Hakim bagaimanapun tidak membuat sebarang perintah berhubung ganti rugi kerana menurutnya Grab Holdings sebagai pemohon gagal menunjukkan kepada mahkamah bahawa terdapat unsur niat jahat (*mala fide*) di pihak MyCC.

Mahkamah turut mengambil maklum walaupun cadangan denda itu di atas aduan pada 2019 kepada MyCC oleh pemandu Grab berhubung dakwaan amalan antipersaingan syarikat, pengawal selia itu sebaliknya bergantung pada aduan 2018 yang dikatakan melanggar Akta Persaingan 2010.

Katanya, beliau tidak boleh menerima dakwaan MyCC bahawa semakan kehakiman berkenaan boleh menghalang siasatan pengawal selia terhadap amalan antipersaingan.

Melalui prosiding dijalankan dalam talian semalam, Grab Holdings dan anak syarikatnya diwakili peguam Lim Yvonne dan Shanti Kandiah, manakala MyCC diwakili peguam Kwan Will Sen dan Muayyad Khairulmaini.

Pada Februari 2020, Mahkamah Tinggi menolak permohonan Grab Holdings dan dua anak syarikat iaitu GrabCar Sdn Bhd dan MyTeksi Sdn Bhd untuk mendapatkan kebenaran bagi memulakan prosiding semakan kehakiman bagi mencabar ke-

putusan cadangan itu.

Keputusan dibuat kerana mahkamah menganggap langkah itu terlalu awal berikutan keputusan dicadangkan belum muktimad. Bagaimanapun pada 19 April 2021, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan memberi kebenaran kepada pemohon.

MyCC kemudian memfailkan permohonan untuk mendapatkan kebenaran merayu daripada Mahkamah Persekutuan, bagaimanapun permohonan itu ditolak pada tahun lalu.

MyCC mendakwa Grab menyalahgunakan kedudukannya yang dominan dengan mengenakan beberapa klausa sekatan ke atas pemandunya bagi menghalang mereka promosi pesaing syarikat di platform e-hailing.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

7 JULAI 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 JULAI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Jul	KPDN lancar Inisiatif Payung RAHMAH	https://utusan.com.my/2023/07/06/kpdn-lancar-inisiatif-payung-rahmah/	UMTV
7-Jul	Jaya Grocer, Grab kerjasama dengan KPDN, sertai inisiatif Payung Rahmah	https://harapandaily.com/jaya-grocer-grab-kerjasama-dengan-kpdn-sertai-inisiatif-payung-rahmah/	HARAPANDAILY
7-Jul	Minister jaya grocer grab malaysia joins payung rahmah initiative as new partners	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/07/06/minister-jaya-grocer-grab-malaysia-joins-payung-rahmah-initiative-as-new-partners/78213	MALAYMAIL
7-Jul	Lebih ramai industri sertai Payung Rahmah	https://www.kosmo.com.my/2023/07/06/lebih-ramai-industri-sertai-payung-rahmah/	KOSMO
7-Jul	Jaya Grocer dan Grab Malaysia tawar tiga inisiatif Payung Rahmah	https://suaramerdeka.com.my/jaya-grocer-dan-grab-malaysia-tawar-tiga-inisiatif-payung-rahmah/	SUARAMERDEKA
7-Jul	Kolaborasi Payung Rahmah bersama Grab, Jaya Grocer tawar tiga inisiatif	https://mediavariasi.com/2023/07/kolaborasi-payung-rahmah-bersama-grab-jaya-grocer-tawar-tiga-inisiatif/	MEDIAVARIASI
7-Jul	Majlis pelancaran inisiatif payung rahmah bersama grocer dan grab malaysia	https://www.youtube.com/live/d-gW4E8qHw8?feature=share	ASTROAWANI
7-Jul	KPDN belum terima aduan isu tukar label beras	https://www.kosmo.com.my/2023/07/06/kpdn-belum-terima-aduan-isu-tukar-label-beras/	KOSMO
7-Jul	Isu beras: KPDN belum terima aduan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/984841/isu-beras-kpdn-belum-terima-aduan	HM
7-Jul	'Mimpi ngeri' Salahuddin Ayub	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/984871/mimpi-neri-salahuddin-ayub	HM

7-Jul	Dasar ekonomi Rahmah akan diperhalusi dalam tempoh beberapa minggu lagi	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/dasar-ekonomi-rahmah-akan-diperhalusi-dalam-tempoh-beberapa-minggu-lagi-x8mazsk	ASTROAWANI
7-Jul	Dasar Ekonomi Rahmah usaha akhiri miskin tegar – Salahuddin	https://sengatdaily.com/dasar-ekonomi-rahmah-usaha-akhiri-miskin-tegar-salahuddin/	SENGATDAILY
7-Jul	Price manipulation allegations: Ministry to take action if valid complaints surface	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/927955/price-manipulation-allegations-ministry-take-action-if-valid-complaints	NST
7-Jul	Selang-seli ambil susu formula, susu biasa kerana tidak mampu	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/984839/selang-seli-ambil-susu-formula-susu-biasa-kerana-tidak-mampu	HM
7-Jul	With latest sign-up SugarBun, 195 eateries in Sarawak now offer Menu Rahmah	https://www.theborneopost.com/2023/07/06/with-latest-sign-up-sugarbun-195-eateries-in-sarawak-now-offer-menu-rahmah/	THEBORNEOPOST
7-Jul	195 Restaurants, eateries offering Menu Rahmah in Sarawak	https://www.thesundaily.my/local/195-restaurants-eateries-offering-menu-rahmah-in-sarawak-AI11194325	THESUNDAILY
7-Jul	195 Restoran di Sarawak tawar Menu Rahmah	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2203997	BERNAMA
7-Jul	195 Restaurants, eateries offering Menu Rahmah in Sarawak	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2204026	BERNAMA